



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN CATAT PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN TAHUN 2023 DALAM MEMACU KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengumumkan pencapaian penting 2023 dalam menyokong pendidikan tinggi negara serta menggariskan hala tuju strategik pada tahun 2024. Sejak penubuhannya, PTPTN telah memainkan peranan penting dalam memacu akses pendidikan tinggi kepada masyarakat Malaysia dan memberi peluang kejayaan kepada mereka.

2. Pada tahun 2023, PTPTN terus mencatatkan prestasi membanggakan melalui penabungan Simpan SSPN. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah terimaan deposit Simpan SSPN adalah sebanyak RM17.39 bilion dengan 6.25 juta akaun direkodkan sejak produk ini diperkenalkan pada tahun 2004. Prestasi ini membuktikan usaha PTPTN untuk mentransformasikan minda masyarakat agar membudayakan amalan menabung melalui Simpan SSPN terus diterima baik masyarakat.

3. Menurut Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, "Pencapaian ini merupakan hasil komitmen dan dedikasi seluruh warga PTPTN. Sesungguhnya saya bersyukur kerana usaha untuk mengubah *mind set* masyarakat Malaysia dari meminjam kepada menabung sekali gus mengelakkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman semakin diterima baik. Catatan kejayaan ini dapat diterjemahkan melalui prestasi Simpan SSPN yang semakin diterima baik oleh setiap lapisan masyarakat."

PTPTN MELAHIRKAN MODAL INSAN NEGARA

4. Penubuhan PTPTN pada tahun 1997 adalah selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan iaitu semua pihak diberikan peluang sama rata untuk mendapat pinjaman bagi pendidikan tinggi. Dalam tempoh 27 tahun menabur bakti, PTPTN memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada modal insan negara. Usia 27 tahun itu adalah satu tempoh yang cukup untuk mematangkan PTPTN yang bermula dengan satu tujuan iaitu memastikan tiada pelajar yang tercicir untuk meneruskan pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) disebabkan masalah kewangan. Sehingga 31 Disember 2023, PTPTN telah membantu seramai 3.95 juta pelajar melibatkan dana pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah RM71.32 bilion.

5. PTPTN juga meneruskan usaha untuk meningkatkan budaya membayar balik pinjaman bagi menjamin pembiayaan PTPTN untuk generasi akan datang. Bagi tahun 2023, bayaran balik yang telah diterima adalah berjumlah RM2.91 bilion. Jumlah terimaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM144.37 juta atau 5.21% berbanding tahun 2022. Prestasi ini juga disokong oleh pelbagai strategi berkesan dan insentif diskaun bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan.

TRANSFORMASI ERA PENDIGITALAN

6. Seiring dengan transformasi dunia pendigitalan, PTPTN sentiasa komited dalam menambah baik aplikasi myPTPTN untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada para pelanggan. Sehingga 31 Disember 2023, seramai lebih 1.1 juta pelanggan telah mendaftar sebagai pengguna myPTPTN.

7. Mengulas lanjut mengenai pencapaian ini, Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, "Tahun 2023 memperlihatkan usaha PTPTN yang menyeluruh dalam penyampaian perkhidmatan secara digital kepada pelanggan bersifat hujung ke hujung. Aplikasi myPTPTN ini akan membuka ruang dan peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan PTPTN pada bila-bila dan di mana-mana sahaja tanpa sempadan dengan lebih mudah, cepat dan selamat."

PENGIKTIFAN PTPTN DAN KOLABORASI STRATEGIK

8. Kecemerlangan dan sumbangan PTPTN dalam memartabat pendidikan tinggi dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan terus diiktiraf. Pada tahun 2023, PTPTN telah menerima anugerah dan pengiktirafan daripada badan-badan industri yang berwibawa dan membuktikan usaha PTPTN telah mencapai standard kecemerlangan yang telah ditetapkan.

9. Antara anugerah yang telah diperolehi adalah Anugerah Khas PayNet bagi Kategori 100% Kadar Penggunaan Pembayaran Digital melalui Kempen Cashless Boleh oleh pihak PayNet dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, Anugerah Institusi Simpanan Terbaik Generasi Baharu Pilihan PA&MA, Most Effective Use of Integrated Media (ASTRO) dan Most Creative Govt Sector / Non-Profit Marketing (ASTRO).

10. Sepanjang tahun 2023 juga, PTPTN proaktif mengadakan kerjasama dengan agensi awam dan swasta dalam menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk pemberian pelbagai insentif oleh agensi awam dan swasta. Antaranya kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri Sabah melalui Program BAKTI, Program BUDI dan Program BISTARI, kerjasama strategik dengan Yayasan Veteran ATM (YVATM) melalui Program Insentif Simpanan Anak Veteran ATM dan Program Dermasiswa. Selain itu, sebanyak 18 Kementerian dan empat (4) agensi awam peringkat persekutuan dan negeri telah memberikan insentif Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam bentuk akaun Simpan SSPN.

11. Selain itu, pelbagai kerjasama juga telah dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi kutipan bayaran balik. Antaranya melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi Skim Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan, kerjasama dengan kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak dalam usaha membantu pelajar Sarawak meringankan beban hutang pinjaman PTPTN, kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi Insentif Bayaran Balik Anak Asnaf penerima Bantuan Bulanan MUIP.

HALA TUJU PTPTN 2024

12. PTPTN telah menetapkan Sasaran Tahun 2024 iaitu deposit simpan SSPN yang akan diterima berjumlah RM3.2 bilion dan bayaran balik berjumlah RM3.1 bilion. Pelbagai strategi telah dirangka secara menyeluruh merangkumi semua aspek agar sasaran ini dapat dicapai dengan cemerlang. Penetapan sasaran ini penting bagi memastikan PTPTN terus komited dalam membantu generasi akan datang agar mempunyai sumber kewangan untuk melanjutkan pengajian dan menjadi modal insan berjasa kepada negara.

13. Seiring dengan transformasi dunia pendigitalan, PTPTN terus komited dalam menambah baik aplikasi myPTPTN. Justeru, semua perkhidmatan PTPTN telah berpindah sepenuhnya ke aplikasi myPTPTN sekali gus memudahkan pelanggan menikmati pelbagai perkhidmatan dalam satu platform. Pada tahun 2024, PTPTN akan menumpukan kepada pemantapan myPTPTN ke fasa seterusnya dalam usaha meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan dan juga transformasi digital.

14. Pada tahun 2024 ini juga, PTPTN telah mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan wakaf pendidikan tinggi sebagai salah satu inisiatif bagi mempelbagaikan sumber dana PTPTN bagi tujuan pembiayaan pendidikan tinggi. Justeru, pada 22 Februari 2024, PTPTN telah melakar sejarah baharu dengan memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bagi memastikan pengurusan dan pengagihan Wakaf Tunai PTPTN secara berkesan dan efektif.

15. “Prestasi cemerlang ini adalah komitmen dan dedikasi warga PTPTN di semua peringkat termasuklah sokongan daripada KPT, Ahli Pengurusan PTPTN serta seluruh Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN. Justeru, PTPTN merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik, pendeposit, peminjam PTPTN dan para media kerana sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh PTPTN. Besar harapan saya agar kecemerlangan ini diteruskan demi memastikan lebih ramai berpeluang menempa kejayaan selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda,” tambah beliau lagi.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
13 Mac 2024**